

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Versi Bahasa Inggeris)

Helaian Pendedahan Produk ini mengandungi maklumat umum tentang produk, yang tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.

Perniagaan dan Perbankan Korporat-i (BCB-i)
Produk: Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i)
Tarikh: / /
1. Apakah itu Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i)?

IBC-i adalah perkhidmatan perdagangan yang disediakan oleh Bank yang mematuhi prinsip Syariah, dimana pihak Bank bertindak sebagai Bank Pemungut/Bank Penyerah untuk pengendalian dan pemakluman kepada pelanggan (pembeli/ pesuruh bayar) setelah menerima dokumen perkapalan daripada pembekal (penyuruh bayar). Perkhidmatan perantara yang diberikan oleh Bank ini adalah untuk memudahkan penyelesaian perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui diantara pelanggan dan pembekal. Pengendalian dokumen perkapalan oleh Bank Pemungut/Bank Penyerah adalah berdasarkan arahan yang diterima daripada Bank Pengirim untuk tujuan memperolehi bayaran atau penerimaan atau berdasarkan terma dan syarat tertentu yang telah ditetapkan mengikut arahan daripada Bank Pengirim. Dokumen untuk pungutan adalah tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections (URC), International Chamber of Commerce Publication No. 522.

IBC-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Wakalah bil Ujrah yang merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang boleh diwakilkan, dengan pengenaan yuran. Di bawah kontrak ini, Bank akan bertindak sebagai ejen bagi prinsipal/penerima yang merupakan pembeli/pengimport dan Bank sebagai Bank Pemungut mempunyai tanggungjawab untuk melakukan semakan ke atas arahan kutipan dan dokumen yang diterima daripada Bank Pengirim.

Bank yang bertindak sebagai ejen bagi prinsipal/penerima yang merupakan pembeli/pengimport dan sebagai Bank Pemungut perlu memastikan bahawa:

- Semua dokumen yang berkenaan telah diserahkan seperti dalam arahan pungutan.
- Tempoh bagi arahan pungutan mestilah konsisten dengan Bil Pertukaran (jika ada).
- Mod penyelesaian mesti dinyatakan.
- Dokumen-dokumen IBC-i (termasuk arahan pungutan) perlu diperiksa berdasarkan URC semasa

Kelebihan – Apakah yang anda dapat daripada produk ini?

- Bayaran hanya dibuat selepas pelepasan/penerimaan dokumen perkapalan.
- Kaedah pembayaran melalui perkhidmatan ini, lebih mudah dan murah dibandingkan dengan perkhidmatan perdagangan yang lain.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda
Harga

1. Untuk bil dalam mata wang asing – 0.10% kadar rata. Minimum RM50; Maksimum RM150 seperti yang dinyatakan dalam senarai penuh yuran dan caj.

Ilustrasi

- Amaun Bil. = USD100,000
- Komisen: $\text{USD100,000} \times 0.10\% = \text{USD100}$ or RM429.50 (berdasarkan kadar Pertukaran 1 USD: 4.2950 MYR) tetapi dihadkan pada RM150.
- Komisen ialah RM150.

2. Untuk bil dalam mata wang tempatan - 0.10% kadar rata. Minimum RM50; Maximum RM500

Ilustrasi

- Amaun Bil = RM 100,000
- Komisen: $\text{RM100,000} \times 0.10\% = \text{RM100}$
- Komisen ialah RM100.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj lain-lain, jika berkenaan, mengikut senarai penuh yuran dan caj kami yang diterbitkan di:

<https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html>



Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami harga serta terma dan syarat dalam Nasihat Ketibaan Dokumen.



Membuat pembayaran pada tarikh matang atau terima Bil Pertukaran sebelum dokumen dikeluarkan oleh Bank. Sebagai alternatif, anda boleh meminta pembayaran IBC-i dibiayai oleh Bank dengan syarat terdapat kemudahan Pembiayaan Perdagangan yang diluluskan terlebih dahulu.



Memberi kuasa kepada bank untuk mendebit akaun anda untuk pembayaran komisen, caj lazim, caj Bank atau Ejen dan semua wang yang dibayar atau yang mana Bank bertanggungjawab di bawah IBC-i.



Mengesahkan bahawa barangan/perkhidmatan dan pihak gabungan / rakan niaga yang berkaitan dengan transaksi perdagangan tidak dibenarkan/dilarang/terhad dan selaras dengan sifat perniagaan syarikat anda.



Maklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

1. Jika dokumen tersebut masih tidak diambil oleh anda, Bank akan memulangkan dokumen tersebut kepada Bank Pengirim dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan atau atas permintaan oleh Bank Pengirim, yang mana lebih awal.
2. Kegagalan untuk membuat pembayaran atau menerima Bil yang diterima boleh menjejaskan rekod kredit anda dan ketersediaan kemudahan perdagangan masa hadapan.
3. Penjual boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda berdasarkan syarat kontrak komersial anda dengan mereka.

Apakah Risiko Utama?

- **Barang yang dibeli atau diimport mungkin berkualiti rendah atau mungkin tidak mematuhi jangkaan atau spesifikasi pembeli.** Memandangkan peranan Bank terhadap pemeriksaan dokumen sahaja, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan, memeriksa, atau mengesahkan barangan sebenar yang dihantar.
- **Kelewatan dan/atau dokumen penghantaran tidak diambil** boleh menyebabkan caj demurraj dikenakan ke atas anda semasa pelepasan barangan pada peringkat kemudian.
- **Barangan mudah rosak** mungkin menjadi tidak bernilai kerana pelepasan tertunda.

4. Terma Utama Lain

Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?



Hubungi kami di:
03-7626 8899 /
03-7661 7777



Lawati kami di:
www.hlisb.com.my/bcbi



E-mel kami di:
HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tel: 03 - 2616 7766
<https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi:

HLISB

Advokasi Pelanggan
Tel: 03-7626 8821 / 03-76268802 / 03-76268812
E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

BNMLINK

Tel: 1-300-88-5465
Luar Negara: 603-2174 1717
Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada 31 Disember 2025.